



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI 2014 SENIBINA

KOD : PJS01
SUBJEK : TULISAN SPESIFIKASI
TARIKH : 27 OKTOBER 2014
MASA : 9.00 PG - 12.00 TGH

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

ta

PERKARA : PJS01 – TULISAN SPESIFIKASI

ARAHAN KEPADA CALON

Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

Terangkan perkara-perkara berikut:

- a) Wang Peruntukan Sementara (*Provisional Sum*)
(6 markah)

- b) Kelambatan Dan Lanjutan Masa
(6 markah)

- c) **Empat (4)** sebab Lanjutan Masa
(8 markah)

SOALAN 2

Bagi kerja-kerja lanskap, terdapat kerja-kerja penanaman pokok dan rumput. Tuliskan spesifikasi untuk melaksanakan kerja-kerja berikut:

- a) Penanaman Rumput
(7 markah)

- b) Penanaman Pokok
(5 markah)

SOALAN 4

a) Tuliskan spesifikasi yang bersesuaian bagi kerja-kerja membina dinding luar dengan menggunakan bahan-bahan berikut:

- i) Bata Beban Ringan
- ii) Batu-bata Muka

(4 markah)

b) Terdapat kerja-kerja penting lain berkaitan dengan batu bata yang dinyatakan dalam Spesifikasi Piawai JKR. Apakah yang dinyatakan dalam spesifikasi tersebut untuk perkara-perkara berikut:

- i) Lapisan Kalis Lembab
- ii) Kerja Batu-bata Muka
- iii) Corak Ikatan
- iv) Kerja Batu bata Berlubang

(16 markah)

SOALAN 5

a) Merujuk kepada Spesifikasi Piawai JKR bagi kerja-kerja kayu, nyatakan **tiga (3)** jenis kayu bagi setiap kumpulan berikut:

- i) Kumpulan A
- ii) Kumpulan B
- iii) Kumpulan C
- iv) Kumpulan D

(12 markah)

SOALAN 5 (sambungan)

b) Nyatakan **satu (1)** jenis kumpulan kayu berdasarkan kegunaan seperti berikut:

- i) Perabot
- ii) Panel hiasan, papan lapis
- iii) Rangka pintu dan tingkap
- iv) Tiang dan rasuk

(4 markah)

c) Nyatakan kegunaan bahan berikut dalam pembinaan:

- i) Papan Lapis
- ii) Papan Tekanan Tinggi Berlamina

(4 markah)

SOALAN 6

a) Nyatakan **lima (5)** perkara utama yang terkandung dalam Spesifikasi Piawai untuk kerja-kerja Binaan Bangunan yang dikeluarkan oleh JKR.

(10 markah)

b) Terangkan arahan kepada kontraktor yang terkandung dalam Kehendak-kehendak Permulaan Dan Syarat-syarat Am Spesifikasi Piawai yang berikut:

- i) *Shopdrawings, Samples and Mock-up*
- ii) Lukisan Terbina (*As-built Drawings*)

(10 markah)

SOALAN 7

- a) Tuliskan spesifikasi *ironmongery* yang diperlukan bagi bukaan yang dinyatakan di bawah:
- i) Pintu PVC
 - ii) Pintu Rata *Plywood* 1 Daun
 - iii) Pintu Aluminium
 - iv) Pintu Kaca

(10 markah)

- b) Huraikan perkara-perkara berikut:
- i) Pintu Rintangan Api
 - ii) Pintu Kayu Rata

(10 markah)

SOALAN 8

- a) Nyatakan jenis cat kemasan yang sesuai untuk permukaan berikut:
- i) Papan gipsum
 - ii) Permukaan berlepa
 - iii) Permukaan kayu
 - iv) Permukaan besi
 - v) Permukaan papan siling

(5 markah)

- b) Terangkan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan dalam kerja-kerja mengecat.
- (9 markah)

SOALAN 8 (sambungan)

- c) Tuliskan spesifikasi untuk kerja-kerja di bawah:
- i) Kerja-kerja mengecat pintu kayu
 - ii) Kerja mengecat paip tanah dan pengudaraan (*soil and vent pipes*)
 - iii) Kerja mengecat dinding luar yang dilepa

(6 markah)

SOALAN 9

Tuliskan spesifikasi untuk kerja pembinaan bumbung bagi perkara-perkara berikut:

- a) Bumbung yang menggunakan genting konkrit saling mengirat.
- b) Bumbung yang menggunakan dek-logam
- c) Pemasangan kertas penebat aluminium (*aluminium sisalation paper*)
- d) Pemasangan penebat gegebar kaca gentian (*fibreglass insulation wool*)

(20 markah)

SOALAN 10

- a) Tuliskan spesifikasi piawai JKR bagi Kehendak Am dalam kerja melepa, mengubin, menjubin dan memasang genting yang berikut:
- i) Simen
 - ii) Pasir
 - iii) Air
 - iv) Jenis kemasan

(8 markah)

SOALAN 10 (sambungan)

b) Tuliskan spesifikasi piawai JKR bagi kerja mengubin yang berikut:

- i) Ubinan simen
- ii) Jubin gilap untuk dinding
- iii) Jubin kuari

(12 markah)
